

# Taman tema dibenar beroperasi

Melibatkan 54 buah taman tema termasuk saringan tema air di seluruh Malaysia

## PUTRAJAYA

Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengumumkan lebih banyak benarkan taman tema beroperasi, selain saringan suhu badan dilakukan sekali sahaja di pusat-pusat beli belah.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bermula esok, sebanyak 54 buah taman tema termasuk taman tema air akan mula beroperasi melibatkan lebih 10,000 tenaga kerja di selu-

ruh Malaysia. Menurutnya, selaras dengan keputusan mesyuarat tersebut, saringan suhu badan pelanggan di pusat beli-belah dilakukan sekali sahaja iaitu di pintu masuk utama dan bukan di setiap kedai di dalam pusat beli-belah. Bagaimanapun, katanya, pengusaha semua taman tema dan pusat beli-belah perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan termasuk memastikan penjarakkan sosial dipatuhi pada setiap masa.

“Bagi taman tema, had pengunjung adalah berdasarkan kapasiti ruang dan saiz kawasan taman tema.

“Pengunjung juga perlu menjalani proses pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera, pemeriksaan suhu badan dan penyediaan pensanitasi tangan,” katanya pada sidang media hari ini di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, bagi pengusaha taman tema air khususnya, mereka perlu mengikut



Sebanyak 54 buah taman tema termasuk taman tema air akan mula beroperasi melibatkan lebih 10,000 tenaga kerja di seluruh Malaysia bermula esok. Gambar kecil: Ismail Sabri

Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang Awam oleh pihak berkuasa tempatan serta Garis Panduan Pemantauan Kualiti Kolam Air. Menurutnya, garis panduan dan SOP boleh diperolehi daripada laman sesawang Majlis

Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk maklumat lanjut.

Sementara itu, beliau berkata, walaupun kedai-kedai di pusat beli-belah dan hotel tidak lagi perlu menyalurkan suhu ba-

dan pelanggan, namun masih perlu merekodkan kehadiran seperti nama dan nombor telefon melalui aplikasi MySejahtera atau secara manual.

“Ia bagi membolehkan pengesanan kontak dilakukan sekiranya terdapat insiden jangkitan koronavirus (Covid-19).”

“Jadi, bagi memastikan pengesanan individu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) boleh mendapatkan maklumat dan sebab itu kita masih mewajibkan rekod kehadiran,” katanya.

Mengulas mengenai majlis jamuan perkahwinan, Ismail Sabri berkata, mesyuarat khas juga bersetuju membenarkan jumlah tetamu tidak melebihi 250 orang pada satu-satu masa bagi majlis perkahwinan dan akad nikah di masjid, dewan, rumah dan sebagainya.

“Had tetamu tertakluk kepada saiz keluasan dan kapasiti ruang serta pematuan SOP berkaitan yang berkuat kuasa,” kata beliau. - *Bernama*